

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN AKMAL NASRULLAH BIN MOHD. NASIR
[JOHOR BAHRU]**

TARIKH : 11 NOVEMBER 2021 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN AKMAL NASRULLAH BIN MOHD. NASIR minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah permohonan serta jumlah dana bantuan kewangan khas yang telah dibelanjakan dan diberikan kepada mereka yang mendapat kesan sampingan yang serius selepas pengambilan vaksin COVID-19.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Individu yang menerima vaksin COVID-19 di bawah Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) dan mendapat kesan sampingan yang serius selepas menerima vaksin COVID-19 layak memohon Bantuan Khas Kewangan Kesan Mudarat Vaksin COVID-19 oleh Kerajaan.
2. Bantuan Khas Kewangan Kesan Mudarat Vaksin COVID-19 ini akan dipertimbangkan berdasarkan kriteria yang perlu dipenuhi iaitu *Adverse Events Following Immunisation (AEFI)* yang berlaku dalam tempoh tiga (3) bulan daripada menerima vaksin mesti dikategorikan sebagai serius berdasarkan laporan penilaian oleh Jawatankuasa Farmakovigilans Khas Vaksin COVID-19 (JFK) dan laporan AEFI hendaklah dihantar kepada Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA) oleh anggota kesihatan yang merawat pesakit.

SOALAN NO : 29

3. Amaun Bantuan Khas Kewangan Kesan Mudarat Vaksin COVID-19 yang telah ditetapkan adalah tidak melebihi RM50,000 jika berlaku kesan advers yang serius kepada penerima vaksin COVID-19 yang memerlukan rawatan berpanjangan di hospital dan tidak melebihi RM500,000 jika berlaku hilang upaya kekal atau kematian disebabkan vaksin COVID-19. Amaun bantuan sebenar kepada individu yang terkesan oleh AEFI akan ditentukan berdasarkan perakuan oleh Jawatankuasa Teknikal Perubatan (JTP) dan diputuskan oleh Jawatankuasa Induk Bantuan Khas Kewangan Kesan Mudarat Vaksin COVID-19.
4. Hingga 5 November 2021, sebanyak tujuh puluh tujuh (77) permohonan bantuan khas kewangan kesan mudarat vaksin COVID-19 telah diterima oleh Kementerian Kesihatan.
5. Daripada jumlah tersebut, sebanyak lapan (8) permohonan telah diluluskan oleh Jawatankuasa Induk dan dalam proses pembayaran melibatkan jumlah sebanyak RM132,500.
6. Sebanyak enam puluh dua (62) permohonan masih dalam penilaian manakala tujuh (7) permohonan telah ditolak.
7. Daripada enam puluh dua (62) permohonan tersebut, enam puluh satu (61) permohonan dalam penilaian JFK manakala satu (1) permohonan dalam penilaian semula JTP.

Sekian, terima kasih.